# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

# BERITA PERIKANAN HARI INI

**8 Mac 2022**

**5 Syaban 1443H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | • |
| **Berita Harian** | • Pengusaha tidak sangka kolam ikan, udang pecah akibat bah |
| **Harian Metro** | • |
| **Kosmo !** | • |
| **Sinar Harian** | • |
| **The Star** | • |
| **New Straits Time** | • Fishermen long for a pristine Sg Tebrau |
| **Nanyang Siang Pau** | • |
| **Malaysia Gazette** | • |
| **Harakah** | • |
| **Malaysiakini** | • |
| **Bernama** | • |
| **Borneo Post (Kuching)** | • |
| **The Sun** | • |
| **Sabah Media** | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | ✓ | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ...................... | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 18 | 8/3/2022 |

# Pengusaha tidak sangka kolam ikan, udang pecah akibat bah

BH m/s 18 8/3/2022



*Mohd Rahmat (kanan) menunjukkan baki udang galah yang ditangkap di dalam kolam ternakannya yang pecah di Bukit Jela, Kuala Berang.* (Foto Nazdy Harun/BH)

**Kuala Berang:** Kedudukan sembilan kolam udang galah, kelah, jelawat dan baung di atas Bukit Jela, di sini, dilihat amat selesa daripada ancaman banjir namun jangkaan itu meleset apabila dua daripadanya pecah manakala selebihnya mengalami limpahan air dalam kejadian banjir yang berlaku, minggu lalu.

Pengusaha kolam, Mohd Rahmat Saimi, 36, berkata, dia mempunyai 27 kolam di atas bukit itu dan buat masa ini, hanya sembilan kolam yang digunakan.

Katanya, kolam itu diusahakan sejak lapan tahun lalu dengan tiga daripadanya menempatkan udang galah, dua kolam ikan kelah dan selebihnya kolam ikan jelawat dan baung.

"Dua daripada kolam udang galah pecah manakala kolam lain mengalami limpahan air, berikutan berlakunya fenomena kepala air di kawasan bukit ini, Ahad lalu.

"Akibat kejadian itu, saya mengalami kerugian hampir RM90,000 dan jumlah itu tidak termasuk kos untuk baik pulih kolam yang rosak.

"Sebanyak 128 induk dan 600 benih ikan kelah, udang galah, jelawat dan baung hanyut, berikutan limpahan air pada hari kejadian," katanya.

Mohd Rahmat berkata, banjir yang berlaku sebelum ini tidak menjejaskan kolam yang diusahakannya kerana terletak di atas bukit namun berbeza dengan banjir kali ini apabila ia mengalami kerosakan sehingga mengakibatkan kerugian besar.

Katanya, sistem paip sepanjang 200 meter yang digunakan pada kolamnya juga mengalami kerosakan dan sebahagian daripada paip itu turut hanyut.

Menurutnya, kejadian kali ini amat menguji dirinya kerana hampir keseluruhan aktiviti penternakan di kolamnya lumpuh.

Mohd Rahmat berkata, sebelum ini dia turut mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan pihak berkenaan sudah pun dimaklumkan mengenai kejadian terbabit.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | ✓ | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ...................... | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 8 | 8/3/2022 |



*Fishermen collecting rubbish near Sungai Tebrau in Kampung Bakar Batu, Johor Baru, yesterday.* BERNAMA PIC

NST M/S 8 8/3/2022

# Fishermen long for a pristine Sg Tebrau

**JOHOR BARU:** In the 1970s up to 1990s, Sungai Tebrau here was clean and rich in marine life, with visitors bathing and having a picnic by the riverside.

Unfortunately, the 46km-long river has been badly polluted. It has also been categorised as the 53rd dirtiest river in the world last year by non-governmental organisation Ocean Cleanup.

Despite the river's condition, Kampung Bakar Batu resident Rosli Osman, 60, dreams of seeing the river transforming back to its original form.

Rosli and his two friends spend two hours daily, from 7am to 9am, to realise the dream — a clean and pristine Sungai Tebrau, the way he remembers it from his younger days.

Rosli said within a year, they collected about 240 tonnes of rubbish.

Rosli said he became a fisherman in his 40s and had gone through ups and downs, including losing his source of income, due to river being polluted.

"It used to be easy to get up to 15kg of fish, crabs and mussels in the river, but now it is difficult even to get 1kg. In the past, it was teeming with prawns, crabs, *lokan* (clams) and *kupang* (green mussels) but now it only has clams and tilapia."

Rosli's sentiment was echoed by Hamid Yusof, 64, who lives in the same area and regularly fishes at the river.

"What more can I say, I am very disappointed with the pollution. Last year, I saw a truck dumping garbage in the river.

"How much longer do we have to put up with it?" **Bernama**